

**PELAN
STRATEGIK 2021-2025**

ISI KANDUNGAN

▶ PERUTUSAN MENTERI	02
▶ PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA	04
▶ PRAKATA Pengerusi	06
▶ JADUAL SINGKATAN	08
▶ Pengenalan	09
▶ Visi, Misi, & Nilai-nilai	12
• Visi • Misi • Nilai-nilai	
▶ RINGKASAN PRESTASI LALU	14
▶ LANDSKAP MASA DEPAN UNTUK MyCC	16
▶ PELAN STRATEGIK BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2025	20
• Tiga Matlamat Strategik bagi Tahun 2021 hingga 2025 • Matlamat Strategik 1: Menyampaikan Hasil yang Berkesan bagi Aktiviti-aktiviti Teras Suruhanjaya • Matlamat Strategik 2: Menyelaras Pemakaian Dasar dan Undang-undang Persaingan Seiring dengan Persekitaran Pasaran Semasa • Matlamat Strategik 3: Memperkukuh dan Memperkembang Kapasiti, Keupayaan dan Sumber Suruhanjaya untuk Memberi Perkhidmatan Terbaik kepada Semua Pihak Berkepentingan yang Berkaitan	

PERUTUSAN **MENTERI**



PERUTUSAN MENTERI

Selama lebih sedekad, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah terbukti sebagai badan separa kehakiman, dengan matlamat untuk menggalakkan persekitaran ekonomi yang cergas, mampan dan cekap di Malaysia melalui pemerkasaan Akta Persaingan 2010.

Ini selaras dengan matlamat agensi untuk mencapai ekonomi yang teguh, cekap dan mampan untuk Malaysia dan rakyat Malaysia melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar dan undang-undang persaingan.

Bagi menjalankan fungsinya, MyCC mempunyai tanggungjawab untuk berpegang teguh dengan standard integriti, kebebasan dan kesaksamaan yang tinggi bagi memastikan kuasa yang diberikan kepada agensi dapat dilaksanakan dengan cekap. Saya percaya, pasukan yang terdiri daripada tenaga kerja muda, profesional, cerdas dan bersemangat akan dapat melaksanakan tugas, tanpa gentar atau pilih kasih.

Sepanjang beberapa tahun lalu, MyCC telah mencapai pelbagai pencapaian yang turut membuktikan keupayaan agensi ini sebagai pihak berkuasa undang-undang persaingan negara yang kompeten dan berkebolehan. Komitmen teguh agensi ini untuk mendorong persaingan yang lebih banyak dalam pasaran adalah petunjuk kepada banyak pencapaian oleh MyCC sepanjang 10 tahun yang lalu.

Pencapaian yang dicapai sejak beberapa tahun lalu mencerminkan komitmen MyCC terhadap perkhidmatan awam. Dengan mandat yang lebih besar yang diberikan oleh Kerajaan dalam menyokong pelaksanaan rancangan ekonomi peringkat nasional, MyCC semakin dijangka menunjukkan kredibilitinya untuk menguatkuasakan undang-undang secara berkesan dan saksama.

Harus saya katakan, walaupun terdapat pelbagai pencapaian yang dicapai oleh MyCC sepanjang tahun dalam memajukan dasar dan undang-undang persaingan di Malaysia, banyak lagi yang perlu dilakukan lanjutan daripada pindaan undang-undang persaingan, dan khususnya cadangan untuk memasukkan mandat kawalan penggabungan yang akan menjadi satu daripada perubahan dan cabaran terbesar bagi MyCC.

Sebagai Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna, perlindungan dan faedah pengguna adalah asas Kementerian, dan begitu juga, langkah untuk meningkatkan persaingan dalam pasaran boleh membawa manfaat kepada pengguna dengan cara yang berbeza. Kementerian akan terus memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada usaha dan komitmen MyCC dalam mencapai visi dan misinya.

Walaupun pelbagai cabaran dihadapi oleh MyCC, saya percaya agensi ini komited untuk melaksanakan kewajibannya sepenuhnya. Saya yakin bahawa ekonomi Malaysia berada di tangan yang selamat dan stabil dengan kehadiran MyCC untuk memastikan pasaran kita berfungsi dengan baik dan dilindungi dengan berkesan dengan memperjuangkan persaingan.

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

Semasa Rang Undang-undang Persaingan diperkenalkan pada tahun 2010, ia dilihat sebagai satu langkah yang sesuai untuk menangani amalan antipersaingan, menyediakan syarikat-syarikat dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi dan seterusnya memberikan perlindungan serta manfaat kepada para pengguna di Malaysia.

Ini masih berlaku pada hari ini, dengan undang-undang persaingan menjadi lebih relevan selaras dengan kebangkitan ekonomi digital, dengan pandemik COVID-19 serta pelbagai isu persaingan yang muncul bersama-sama dengannya yang mana implikasinya dapat dirasakan saat ini.

Walaupun sekatan dalam aktiviti ekonomi semasa pandemik ini menyebabkan banyak syarikat menghentikan operasi atau menjalankan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan, ia juga telah membentuk semula persaingan dalam pasaran tradisional dan membawa kepada penciptaan banyak pasaran baharu berikutan pertumbuhan ekonomi digital. Pertimbangan dan perbincangan tentang isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus juga semakin penting semasa kita mengharungi pandemik ini.

Oleh itu, ia memberikan cabaran terhadap rangka kerja dasar persaingan semasa. Dengan mengambil kira semua konteks ini telah membolehkan MyCC memikirkan kesan jangka panjang yang mungkin menjejaskan cara ia menjalankan aktiviti kerjanya dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Adalah menjadi harapan saya bahawa Pelan Strategik MyCC 2021 – 2025 akan memberikan hasil strategik yang ketara dan memberi kesan serta memastikan semangat organisasi kekal dinamik, relevan dan sah di peringkat domestik dan antarabangsa. Saya dapat melihat bahawa Pelan ini digubal

untuk menetapkan hala tuju, menggariskan strategi dan pelan tindakan demi memastikan pasaran dan pengguna bersedia untuk menerima ekonomi digital, landskap pasca pandemik COVID-19 di samping pertimbangan-pertimbangan ekonomi lain yang berkaitan.

Malaysia sebagai pasaran dan ekonomi yang agak kecil secara perbandingannya lebih terdedah kepada sebarang bentuk amalan antipersaingan. Oleh itu, adalah penting bagi MyCC untuk melangkah ke hadapan dengan komitmen penuh dan berterusan bagi memastikan kesaksamaan dan keadilan dalam pasaran untuk semua.

Saya sangat optimis bahawa kini dengan kesedaran awam yang lebih tinggi tentang kepentingan dasar dan undang-undang persaingan, MyCC komited untuk memastikan ekonomi yang teguh, cekap dan mampan untuk Malaysia dan terus menjadikan pasaran berfungsi dengan baik untuk pengguna, perniagaan dan ekonomi keseluruhannya.

DATUK SERI HAJI HASNOL ZAM ZAM BIN HAJI AHMAD

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

PRAKATA **PENGERUSI**



PRAKATA PENGURUSI

Saya berbesar hati untuk berkongsi Pelan Strategik 5 Tahun MyCC 2021-2025 ("Pelan") ini dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang dan membantu menjadikan dokumen ini sebagai pelan tindakan penting untuk fasa pembangunan MyCC yang seterusnya. Pelan ini kritikal untuk MyCC kerana ia menyediakan satu titik rujukan, yang akan mendasari pelan tindakan yang boleh dilaksanakan secara menyeluruh dan pro-aktif. Dua pelan lima tahun MyCC yang terdahulu telah memperoleh beberapa pencapaian yang luar biasa yang disasarkan untuk memulakan operasi dan mengukuhkan proses serta prosedur kerja MyCC.

MyCC telah melangkah jauh sejak ia ditubuhkan pada 1 April 2011. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan semasa kitaran sebelumnya untuk meningkatkan kesedaran pelbagai pihak tentang peranan MyCC di bawah Akta Persaingan 2010. MyCC telah mengubah visi dan misinya untuk meningkatkan fokus pada perkara yang lebih penting kepada pengguna dan perniagaan.

Pelan semasa menggariskan tiga matlamat strategik yang akan membimbing usaha kami dalam tempoh lima tahun akan datang memandangkan ketidaktentuan dan kesan COVID-19 yang telah mengubah landskap ekonomi di Malaysia secara mendadak dan memberi kesan yang ketara kepada perniagaan, pengguna dan cara kami menjalankan fungsi kami. Hal ini juga mencerminkan keperluan untuk melakukan perubahan kepada rangka kerja undang-undang persaingan semasa bagi memastikan penguatkuasaan yang berkesan dan sekali gus memelihara daya saing pasaran.

Dokumen ini mengandungi sepuluh (10) pelan tindakan termasuk menyampaikan aktiviti penguatkuasaan yang berkesan, meminda undang-undang persaingan untuk mengukuhkan kuasa MyCC yang merangkumi kuasa untuk mengawal selia penggabungan dan pengambilalihan, serta mengembangkan

kapasiti, keupayaan dan sumber organisasinya untuk memastikan bahawa ia akan dapat melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan cekap. Kami akan mengambil langkah selanjutnya untuk mengukuhkan peranan kami dan terus mengetengahkan kepentingan dasar persaingan kepada penggubal dasar Malaysia serta mempertingkatkan aktiviti advokasi kami ke tahap yang baharu. MyCC berhasrat untuk melengkapkan dirinya dengan bidang baharu dan yang sedang muncul seperti alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan menyediakan cadangan dasar berkaitan persaingan dalam pasaran digital.

Dalam melaksanakan inisiatif ini, kami akan terus berkolaborasi dan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mencapai tujuan kami, termasuk agensi kawal selia Malaysia yang lain dan rakan sejawatan antarabangsa, perniagaan, industri dan masyarakat awam. Penglibatan kami dengan mereka secara optimis mencerminkan keperluan untuk memahami dan bertindak balas terhadap isu-isu yang sedang muncul dalam spektrum persaingan dengan pantas.

Akhir sekali, saya ingin mengiktiraf dan berterima kasih kepada kakitangan MyCC, warga kerja kami, yang terus menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap kerja mereka dan menyampaikan hasil demi kepentingan terbaik pengguna dan perniagaan. Saya percaya bahawa pasukan yang telah memperoleh pelbagai kejayaan dalam pelaksanaan dua rancangan lima tahun yang terdahulu akan mencapai kejayaan dengan cara yang sama kali ini, dan kami akan melaksanakan Pelan ini dengan jayanya dalam usaha ke arah memenuhi visi dan misi kami.

DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN YUNUS

Pengerusi, MyCC

Singkatan	
4IR	Revolusi Perindustrian Keempat
ACAP	Pelan Tindakan Persaingan ASEAN
AEC	Komuniti Ekonomi ASEAN
AEGC	Kumpulan Pakar ASEAN mengenai Persaingan
AI	Kecerdasan Buatan
AMS	Negara Anggota ASEAN
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
CPTPP	Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik
ESG	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus
FTA	Perjanjian Perdagangan Bebas
IP	Harta Intelekt
IT	Teknologi Maklumat

Singkatan	
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
M&A	Penggabungan dan Pengambilalihan
MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia
MyIPO	Perbadanan Harta Intelekt Malaysia
NCA	Pihak Berkuasa Persaingan Nasional
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
RCEP	Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau
RIA	Analisis Impak Peraturan
SOP	Prosedur Operasi Standard
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

PENGENALAN

Mengenai Dokumen Ini

Pelan Strategik 5 Tahun MyCC (2021 - 2025) menggariskan strategi dan pelan tindakan untuk mencapai objektif Suruhanjaya bagi tempoh antara tahun 2021 hingga 2025, dengan mengambil kira pengajaran yang diperoleh daripada prestasi lalu, serta landskap semasa dan masa depan. Pelan ini juga memperincikan kemajuan MyCC selaras dengan mandatnya yang lebih besar dalam mendukung pelaksanaan pelbagai pelan ekonomi di peringkat nasional dan penguatkuasaan skop yang lebih besar dalam fungsi dan bidang kuasanya.

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

MyCC adalah sebuah badan berkanun bebas dan merupakan pihak berkuasa persaingan nasional (National Competition Authority, NCA) untuk Malaysia. Suruhanjaya ini memperoleh kuasa, fungsi, dan tanggungjawabnya daripada Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713] untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 [Akta 712]. Peranan Suruhanjaya adalah untuk mempromosikan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan memelihara proses persaingan. Selanjutnya, sasaran Suruhanjaya ialah untuk memaksimumkan kebajikan pengguna memandangkan persaingan mendorong kepada kecekapan, inovasi, dan keusahawanan, lantas menggalakkan harga yang kompetitif, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan, di samping menyediakan pilihan yang lebih luas kepada pengguna.

Kepimpinan kanan MyCC terdiri daripada Pengerusi, empat anggota yang mewakili Kerajaan, dan tidak kurang daripada tiga anggota tetapi tidak lebih daripada lima anggota dengan pengalaman dan pengetahuan dalam bidang-bidang yang relevan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, perniagaan, industri, perdagangan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran awam, persaingan, dan perlindungan pengguna. Perdana Menteri, atas syor Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, melantik Pengerusi dan anggota Suruhanjaya. Seorang anggota Suruhanjaya akan memegang jawatan tidak lebih dari tiga tahun tetapi layak untuk dilantik semula. Tiada anggota boleh memegang jawatan selama lebih dari dua penggal secara berturut-turut. Sementara itu, keseluruhan kerja dan aktiviti pentadbiran dan pengurusan MyCC dipimpin oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan disokong oleh pasukan pengurusan kanan. KPE dilantik oleh Menteri.

Sebagai pihak berkuasa persaingan nasional, MyCC mempunyai fungsi seperti berikut:

Menasihati Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam atau pengawalseliaan yang lain tentang segala perkara yang berkenaan dengan persaingan

Memberitahu Menteri tentang kesan antipersaingan yang sebenar atau yang mungkin daripada perundangan semasa atau perundangan yang dicadangkan dan membuat syor kepada Menteri, jika sesuai, untuk mengelakkan kesan ini

Melaksanakan dan menguatkuasakan Akta 712 dan Akta 713

Mengeluarkan garis panduan berkaitan dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan kedua-dua undang-undang tersebut

Memberitahu dan mendidik orang awam tentang bagaimana persaingan dapat memberi manfaat kepada pengguna dan ekonomi Malaysia

Menjadi penyokong bagi perkara berkaitan persaingan

Menjalankan kajian am berhubung isu-isu berkaitan persaingan dalam ekonomi Malaysia dan/atau sektor tertentu, secara khusus

Mengumpul maklumat bagi pelaksanaan fungsi Suruhanjaya

Menyiarkan maklumat dan meningkatkan kesedaran di kalangan entiti perdagangan atau tred dan di kalangan orang awam berkenaan dengan kedua-dua undang-undang dan cara Suruhanjaya menjalankan fungsinya di bawah kedua-dua undang-undang tersebut

Mempertimbangkan dan mengesyorkan pembaharuan terhadap kedua-dua undang-undang tersebut

Mengenai Akta Persaingan 2010 [Akta 712]

Akta 712 terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial, baik di dalam mahupun di luar Malaysia, selagi ia mempengaruhi persaingan dalam mana-mana pasaran di Malaysia. Walau bagaimanapun, Akta 712 tidak diterima pakai untuk aktiviti komersial yang dikawal selia oleh undang-undang berikut yang ditentukan dalam Jadual Pertama Akta 712:



Bab 1: Perjanjian antipersaingan dan Bab 2: Penyalahgunaan kedudukan dominan dalam Bahagian II: Amalan antipersaingan dalam Akta 712 tidak diterima pakai untuk:

- Perjanjian atau amalan yang mematuhi syarat-syarat perundangan
- Perundingan bersama atau perjanjian kolektif antara majikan dengan kesatuan sekerja bagi pihak pekerja
- Sebuah syarikat yang diamanahkan untuk mengendalikan perkhidmatan kepentingan ekonomi awam atau mempunyai sifat monopoli dari segi perolehan, setakat mana larangan-larangan di bawah Bab 1 dan 2 dalam Bahagian II boleh menghalang pelaksanaan, sama ada secara perundangan atau hakiki, kerja-kerja yang telah ditugaskan kepada syarikat tersebut

Akta 712 secara jelas mentakrifkan aktiviti komersial sebagai tidak termasuk:


- apa-apa aktiviti, secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan kuasa Kerajaan
- apa-apa aktiviti yang dijalankan berasaskan prinsip perpaduan
- apa-apa pembelian barangan atau perkhidmatan yang tidak bertujuan untuk dijual semula atau dibekalkan semula

VISI, MISI, & NILAI-NILAI



Pelaksanaan Pelan Strategik MyCC 2021 - 2025 ini adalah sejajar dengan visi, misi, dan nilai MyCC.

Visi, Misi, and Nilai-nilai



Nilai-nilai

Warga kerja MyCC dan budaya kerja mereka mematuhi nilai-nilai berikut dalam mencapai visi dan misinya:



Kebebasan



Integriti dan profesionalisme



Akauntabiliti



Kesaksamaan



Kerja Berpasukan

RINGKASAN PRESTASI LALU



Dua Pelan Strategik MyCC yang terdahulu telah dibangunkan, diperkenalkan, dan dilaksanakan selama dua tempoh kitaran hayat organisasi ini:

2010 - 2015



tempoh ini merupakan **fasa penubuhan asas** untuk MyCC, yang mana Suruhanjaya ini ditubuhkan dan mula beroperasi. Pada fasa awal ini, MyCC telah membangunkan garis panduan pertama; mewujudkan proses dan aliran kerja yang baharu untuk fungsi berkanunnya; memulakan penguatkuasaan peruntukan Akta 712 dan Akta 713; mengambil bekerja bakat-bakat baharu; membangun rangkaian dan hubungan dengan pihak berkuasa nasional dan antarabangsa yang lain; serta menjalankan program pendidikan dan advokasi untuk memberi kesedaran mengenai MyCC dan undang-undang persaingan.

2016 - 2020



tempoh ini merupakan **fasa pembangunan** untuk MyCC yang mana Suruhanjaya telah tertumpu kepada memperkukuh proses dan prosedur kerjanya; menjadi lebih proaktif dalam memberikan nasihat dasar; terus mempromosikan MyCC dan undang-undang persaingan melalui program pendidikan dan advokasi; membina dan mengembangkan keupayaan dan bakat; dan memperkukuh rangkaian dan hubungan antarabangsa dan serantau.



MyCC mempunyai kitaran kedua yang sangat sibuk dalam tempoh perancangan strategik 5 tahun, terutamanya dari tahun 2018 dan seterusnya. Kini terdapat kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan pihak berkepentingan MyCC mengenai peranan dan fungsinya. Pelan Strategik MyCC bagi tahun 2016 - 2020 telah dilaksanakan pada masa yang mencabar iaitu ketika negara mengalami ketidaktentuan politik yang disebabkan oleh perubahan Kerajaan serta mengalami krisis kesihatan awam dan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik Covid-19.

LANDSKAP

MASA DEPAN UNTUK MyCC



Pelan Strategik MyCC 2021 - 2025 telah dibangunkan apabila Suruhanjaya memasuki tempoh perubahan dan ketidakpastian yang ketara, yang boleh menjejaskan bagaimana Suruhanjaya menjalankan aktiviti kerjanya dalam tempoh lima tahun akan datang:

Pindaan kepada Akta Persaingan 2010 (Akta 712) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713)

Sejak penguatkuasaan undang-undang pada bulan Januari 2012, terdapat banyak keadaan yang mana MyCC mendapati keperluan untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta tersebut. Pindaan yang dicadangkan adalah untuk menangani kelemahan undang-undang dan memperkenalkan peruntukan yang lebih baik dan jelas kerana isu-isu tersebut menghalang MyCC daripada melaksanakan fungsinya dengan berkesan. Pindaan itu termasuk antara lain pengenalan rejim kawalan penggabungan yang melarang penggabungan yang mengurangkan persaingan. Pindaan ini penting kerana urusan niaga M&A dijangka meningkat pasca pandemik Covid-19 dan MyCC mesti memastikan bahawa ia tidak akan membawa kesan antipersaingan.

Kesan Pandemik Covid-19

Pandemik Covid-19 telah mengehadkan aktiviti ekonomi, mengakibatkan penyatuan pasaran di mana syarikat menghentikan operasi atau bergabung untuk terus beroperasi. Penyatuan pasaran akan menguji sumber dan aktiviti penguatkuasaan Suruhanjaya. Syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan juga telah memohon bantuan kewangan daripada Kerajaan. Suruhanjaya mungkin perlu mempertimbangkan kesan bantuan kewangan/subsidi ke atas persaingan di pasaran. Amalan kesihatan awam seperti penjarakan sosial juga telah mengubah cara pengguna berkelakuan dan pekerja bekerja. Suruhanjaya perlu meningkatkan penggunaan teknologi dalam aktiviti kerjanya dan fleksibel dalam prosedur dan prosesnya.

Agenda ESG oleh Perniagaan ke Arah Ekonomi yang Lebih Lestari

Perniagaan dan pengguna semakin mengambil kira agenda ESG dalam membuat keputusan berkaitan pelaburan, operasi dan pembelian mereka. Menyokong agenda ESG adalah komitmen global, melalui PBB, untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan menjelang 2030. Pelaburan dalam teknologi hijau melibatkan kos yang tinggi dan perniagaan mungkin mahu bekerjasama dengan pesaing mereka untuk mencapai agenda ESG. MyCC mungkin perlu mengkaji bagaimana Akta 712 berfungsi untuk menggalakkan agenda ESG di kalangan perniagaan di Malaysia.

Pembangunan di ASEAN - ACAP (2016 - 2025), RCEP, dan CPTPP

Di peringkat ASEAN, Pelan Strategik MyCC 2016 - 2020 memulakan pelaksanaannya pada masa yang sama ketika AMS merasmikan AEC pada 1 Januari 2016. Pelan Strategik ini juga bertepatan dengan lima tahun pertama ACAP 2025, yang berlangsung antara 2016 dan 2025. AEGC, di mana MyCC adalah ahli, perlu melaksanakan pelbagai inisiatif sama ada di peringkat ASEAN atau kebangsaan. Inisiatif-inisiatif ini mempunyai sasaran keberhasilan untuk mencapai lima langkah strategik yang terkandung dalam ACAP 2025. MyCC telah menawarkan diri untuk menjadi NCA AMS pertama yang menjalani semakan setara (peer review) untuk program advokasinya. Ini adalah salah satu daripada dua inisiatif di bawah Langkah Strategik #1, yang mempunyai keberhasilan menjalankan sekurang-kurangnya lima semakan setara rejim persaingan di ASEAN menjelang 2025.

Selain komited dalam melaksanakan ACAP 2025, AMS juga giat dalam rundingan pelbagai FTA serantau dengan rakan perdagangan ASEAN yang sehaluan. Malaysia adalah pihak penandatangan kepada dua FTA serantau utama - RCEP dan CPTPP. Sebaik sahaja FTA ini disahkan, MyCC sebagai NCA, bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menguatkuasakan komitmen berkaitan persaingan yang dimasukkan ke dalam FTA ini.

Pelaksanaan Pelan Ekonomi Peringkat Nasional

Tempoh pelaksanaan untuk Pelan Strategik MyCC (2021 - 2025) adalah bertepatan dengan pelaksanaan beberapa dokumen ekonomi peringkat nasional yang penting termasuk Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), dan Pelan Strategik KPDNHEP (2021 - 2025). Adalah penting bagi Pelan Strategik MyCC (2021 - 2025) untuk kekal konsisten - dari segi langkah-langkah, inisiatif, dan keberhasilan yang strategik - dengan tujuan dan objektif menyeluruh yang dimasukkan dalam dokumen ekonomi peringkat nasional ini.

Pelaksanaan Pelan Ekonomi Peringkat Nasional (bersambung)

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah rancangan visi jangka panjang untuk Malaysia mencapai pembangunan yang mampan; pengagihan yang adil dan saksama antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah, dan rangkaian bekalan menjelang tahun 2030. Pelan itu mengandungi lima belas prinsip panduan dan telah mengenal pasti lapan pembolehdaya untuk mencapai visi 2030. Pelan ini mengenal pasti kebimbangan mengenai kemungkinan berlakunya amalan antipersaingan di beberapa sektor ekonomi termasuk sektor bahan binaan dan makanan. Dalam Prinsip Panduan 3: Pertumbuhan Saksama, pelan ini, antara lain, didasarkan untuk mendorong penyertaan perniagaan yang adil dalam rangkaian bekalan dan mengurangkan kuasa monopoli. Dalam Prinsip Panduan 7: Ekonomi Masa Hadapan mengenal pasti trend masa depan termasuk ekonomi digital, automasi, penyediaan platform, *fintech*, AI dan *blockchain*.

RMK - 12

Teras utama untuk RMK - 12 ialah kemakmuran bersama, berdasarkan kepada tiga dimensi - pemerikasaan ekonomi, kemampunan alam sekitar, dan kerekayasaan sosial. Kita boleh menjangkakan bahawa penguatkuasaan dasar dan undang-undang persaingan yang tegas dan mantap dapat diterapkan merentasi pelbagai aktiviti ekonomi yang dibincangkan dalam dimensi pertama iaitu yang menyentuh tentang memperkasakan ekonomi. Hal ini akan merangkumi sektor dan bidang-bidang subjek, antara lain, seperti 4IR, sektor pertanian, ekonomi digital, perdagangan pengedaran, pengangkutan, pembinaan, dan pasaran tenaga.

Pelan Strategik KPDNHEP (2021 - 2025)

Walaupun Pelan Strategik KPDNHEP (2021 - 2025) merupakan rancangan lima tahun, ia merangkumi visi dan senario jangka panjang yang bertujuan untuk mencapai pemerikasaan pengguna, perdagangan domestik yang rancak, dan amalan perniagaan dan persekitaran pasaran yang berkembang maju menjelang tahun 2030. Visi dan senario ini menganggap setiap orang mengikuti perubahan dan celik digital tatkala pasaran digital menjadi semakin matang. Harapan tertinggi adalah persaingan dalam pasaran berdasarkan inovasi berterusan, dengan kartel dan monopoli dihapuskan. Ini dicapai dengan meningkatkan penguatkuasaan Akta 712. KPDNHEP juga menyasarkan untuk memperkukuh ekosistem inovasi melalui perlindungan dan pengkomersialan IP, dengan mewujudkan pangkalan data berpusat yang menghubungkan KPDNHEP dengan agensinya - MyCC, SSM, dan MyIPO.

Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia

Pandemik Covid-19 telah mempercepatkan pendigitalan pasaran di Malaysia. Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini telah mengiktiraf peranan dasar dan undang-undang persaingan dalam mengawal selia pasaran digital, termasuk, aktiviti platform digital. Kebimbangan khusus adalah melindungi pemain tempatan, terutamanya yang lebih kecil daripada sebarang kemungkinan amalan antipersaingan oleh pemain yang lebih besar di pasaran. Rangka Tindakan ini telah mengenal pasti dan menugaskan MyCC untuk menasihati dan menyediakan cadangan dasar berkaitan persaingan kepada Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara.

PELAN STRATEGIK

BAGI TAHUN
2021 HINGGA 2025



Pelan Strategik MyCC 2021 - 2025 akan dilaksanakan apabila Suruhanjaya **mencapai fasa akhir pembangunan** dalam kitaran hayat organisasi. Malah, kitaran lima tahun ketiga pelan strategik ini bermula dengan Suruhanjaya memasuki tahun kesepuluhnya beroperasi pada tahun 2021, satu peristiwa penting bagi mana-mana organisasi termasuk NCA seperti MyCC.

Pelan Strategik MyCC 2021 - 2025 bertujuan untuk:

- Menyokong langkah-langkah pemulihan yang bertujuan untuk menyokong Malaysia mengatasi krisis yang disebabkan oleh pandemik Covid-19 untuk memastikan tiada kemungkinan kesan amalan antipersaingan.
- Menyokong pertumbuhan sektor ekonomi baharu—pasaran untuk e-dagang dan inovasi, antara lain—dan mempromosikan agenda ESG oleh dan untuk perniagaan.

Tiga Matlamat Strategik bagi Tahun 2021 hingga 2025

Dalam tempoh lima tahun yang mendatang, MyCC menyasarkan untuk melaksanakan strategi berikut:

MATLAMAT STRATEGIK 1

Menyampaikan Hasil yang Berkesan bagi Aktiviti-aktiviti Teras Suruhanjaya



MATLAMAT STRATEGIK 2

Menyelaras Pemakaian Dasar dan Undang-undang Persaingan Seiring dengan Persekitaran Pasaran Semasa



MATLAMAT STRATEGIK 3

Memperkuhkan dan Memperkembangkan Kapasiti, Keupayaan dan Sumber Suruhanjaya untuk Memberi Perkhidmatan Terbaik kepada Semua Pihak Berkepentingan yang Berkaitan



MATLAMAT STRATEGIK 1

Menyampaikan Hasil yang Berkesan bagi Aktiviti-aktiviti Teras Suruhanjaya

Dasar dan undang-undang persaingan dapat menjadi pendorong penting dalam menyokong pemulihan ekonomi negara dengan memperjuangkan persaingan dalam pasaran. Ia adalah amat penting untuk memastikan perniagaan tidak mengambil kesempatan atas krisis untuk meningkatkan kedudukan komersial mereka atau memudaratkan pengguna dalam tempoh pasca krisis. MyCC bermatlamat untuk menyampaikan hasil yang berkesan bagi aktiviti terasnya bagi memastikan perniagaan tidak menjalankan perlakuan antipersaingan dan untuk menggalakkan agenda ESG demi kemampanan ekonomi jangka panjang.

“ Dengan semua perubahan dan ketidaktentuan yang ketara bakal mendatang, MyCC telah mengambil langkah untuk maju ke hadapan dengan melengkapkan dirinya dalam bidang baharu dan yang sedang pesat berkembang seperti alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Ini membolehkan MyCC memahami dan bertindak balas dengan pantas terhadap isu yang timbul dalam spektrum persaingan pada masa hadapan. Namun begitu, memperjuangkan persaingan melalui penguatkuasaan dan advokasi, antara lain, akan sentiasa menjadi keutamaan kami. ”

Iskandar Ismail, KPE MyCC

Pelan Tindakan 1.1

- Meningkatkan dan menyampaikan hasil penguatkuasaan Suruhanjaya dengan berkesan.
- Menubuhkan unit / pasukan penggabungan khusus untuk menilai dan menyemak semula M & A bagi memastikan apa-apa perubahan struktur pasaran tidak akan mengurangkan persaingan dalam pasaran.
- Memulakan kerja untuk mengkaji bagaimana Akta 712 dapat mendorong dan mempromosikan agenda ESG.

Pelan Tindakan 1.2

- Memberi nasihat dasar yang relevan untuk Kementerian dan agensi kerajaan bagi memastikan bahawa dasar mereka adalah selaras dengan agenda untuk memperjuangkan persaingan dalam ekonomi.
- Menasihati Kerajaan untuk mempertimbangkan pemberhentian secara beransur-ansur instrumen-instrumen pengawalan ekonomi tradisional seperti peraturan kawalan harga, yang mempunyai akibat yang tidak diingini dengan mengganggu harga dalam pasaran Malaysia dan berpotensi membuka laluan kepada ketidakcekapan pengawalseliaan.

Pelan Tindakan 1.3

- Mendidik, menyokong, dan mempromosikan kepada semua pihak berkepentingan yang relevan mengenai kepentingan dan manfaat persaingan dalam pasaran.

MATLAMAT STRATEGIK 2

Menyelaras Pemakaian Dasar dan Undang-undang Persaingan Seiring dengan Persekitaran Pasaran Semasa

Suruhanjaya hendaklah memastikan dan menyelaras pemakaian dasar dan undang-undang persaingan seiring dengan persekitaran pasaran semasa demi memastikan penguatkuasaan yang berkesan dan konsisten dengan amalan terbaik antarabangsa, serta konsep dan pemikiran ekonomi dan undang-undang semasa.

“ Sebagai pihak berkuasa persaingan nasional, MyCC bertanggungjawab dalam memastikan penggunaan dasar dan undang-undang persaingan yang konsisten di Malaysia dengan menangani isu berkaitan persaingan di peringkat sektor. Pelan strategik ini juga membincangkan persekitaran pasaran global yang mungkin melibatkan isu rentas sempadan yang pesat berkembang dengan melaksanakan rancangan peringkat ASEAN untuk mewujudkan pengharmonian undang-undang. Selain itu, MyCC sedang mendalami ilmu ekonomi digital. Impak yang disebabkan oleh COVID-19 telah mempercepatkan keperluan perniagaan untuk pendigitalan, yang kemudiannya memerlukan MyCC untuk melangkah seiring kemajuan. ”

Iskandar Ismail, KPE MyCC

Pelan Tindakan 2.1

- Meminda Akta 712 dan Akta 713 untuk memperkukuh kuasa dan prosedur proses penyiasatan; memformalkan peranan dan fungsi Suruhanjaya; dan memasukkan peruntukan berkenaan pengawalan proses penggabungan.
- Melaksanakan dasar persaingan dan menguatkuasakan undang-undang yang dipinda dengan sewajarnya.

Pelan Tindakan 2.2

- Bekerja rapat dengan pengawal selia, Kementerian, dan agensi kerajaan untuk sektor-sektor lain demi memastikan pemakaian dasar dan undang-undang persaingan dalam pasaran Malaysia dilakukan secara konsisten.
- Memberi nasihat dan cadangan dasar yang berkaitan dengan persaingan dalam pasaran digital kepada Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara.
- Melancarkan program RIA di semua Kementerian dan agensi kerajaan. Ini adalah untuk memastikan bahawa RIA akan merangkumi analisis persaingan, mengikut kesesuaian.

Pelan Tindakan 2.3

- Melaksanakan kajian pasaran untuk mengembangkan pemahaman dan mengenal pasti potensi hal-hal persaingan dalam sektor e-dagang dan pasaran digital.
- Mengenal pasti sektor atau industri lain yang menjadi keutamaan untuk kajian pasaran.

Pelan Tindakan 2.4

- Memperluas dan mengeratkan kerjasama dan kolaborasi Suruhanjaya sama ada di peringkat antarabangsa mahupun serantau untuk terus mengemas kini pengetahuan tentang konsep dan pemikiran semasa berkaitan ekonomi dan undang-undang.

MATLAMAT STRATEGIK 3

Memperkuhkan dan Memperkembang Kapasiti, Keupayaan dan Sumber Suruhanjaya untuk Memberi Perkhidmatan Terbaik kepada Semua Pihak Berkepentingan yang Berkaitan

Suruhanjaya hendaklah memperkuhkan dan memperluas kapasiti, keupayaan, dan sumber organisasinya demi memastikan bahawa ia dapat melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan. Matlamat ini mempertimbangkan risiko dan perubahan dalam pasaran dan persekitaran kerja yang disebabkan oleh pandemik Covid-19, serta jangkaan peningkatan beban kerja setelah pindaan Akta 712 dan Akta 713. Akhirnya, matlamat strategik ini juga didasarkan untuk menyokong pelaksanaan pelbagai rancangan ekonomi di peringkat nasional seperti, tetapi tidak terhad kepada, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, RMK-12, Pelan Strategik KPDNHEP (2021 - 2025), dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

“ Dengan terangkumnya peranan MyCC dalam pelaksanaan rancangan ekonomi di peringkat nasional, kami menjangkakan pengembangan kapasiti dari segi kewangan dan sumber manusia bagi mengukuhkan MyCC untuk tugas yang lebih besar. ”

Iskandar Ismail, KPE MyCC

Pelan Tindakan 3.1

- Mengemas kini dasar Sumber Manusia Suruhanjaya untuk menarik, mengembangkan, dan mengekalkan bakat bagi memastikan bahawa ia dapat melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan.
- Membangun dan mewujudkan fungsi pengurusan risiko dalam organisasi.

Pelan Tindakan 3.2

- Mengkaji dan mengemas kini SOP yang sudah tidak sesuai dan juga memperkenalkan SOP yang baharu yang diperlukan untuk memastikan pemakaian undang-undang yang konsisten.
- Melakukan semakan semula secara berkala terhadap SOP Suruhanjaya untuk memastikan bahawa semua SOP tersebut sentiasa mengikuti perkembangan pasaran.

Pelan Tindakan 3.3

- Membangunkan sistem IT bersepadu mengenai operasi dan pengurusan pengetahuan untuk memastikan aktiviti kerja yang lancar untuk semua bahagian dengan mengambil kira kerja jarak jauh.



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Level 15, Menara SSM@Sentral, 7 Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

 +603-2273 2277
 +603-2272 2293
 www.mycc.gov.my



@themycc
www.mycc.gov.my

**MENGALAKKAN
PERSAINGAN,
MELINDUNGI ANDA**

